

Jakim mahu wujud akta logo halal

YAN: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mewujudkan akta khusus bagi memantau penggunaan logo halal sebelum hujung tahun ini bagi membolehkan tindakan lebih berkesan dikenakan terhadap pihak yang menyalahgunakannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pada masa ini Jakim tidak dapat mengambil tindakan terhadap pihak yang menyalahgunakan logo halal berikutan tiada akta khusus berhubung perkara itu.

Katanya, langkah penguatkuasaan diambil terhadap pihak yang menyalahgunakan tanda halal termasuk memalsukannya mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) 1972 disifatkan kurang berkesan.

"Sebelum ini, Jakim hanya mengeluarkan sijil halal tetapi tindakan dan penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

"Namun, sebaik akta ini wujud, Jakim akan mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap pihak tertentu termasuk syarikat swasta



JAMIL KHIR menyampaikan sumbangan kepada pelajar yang menerima bantuan daripada Yayasan Taqwa dalam program *Jom Ke Sekolah*, di Yan, semalam.

yang mengeluarkan sijil halal palsu selain menyalahgunakan logo berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program *Jom Ke Sekolah SRA 2010* Peringkat Kebangsaan di Dewan Orang Ramai Guar Chempedak,

di sini, semalam.

Katanya, ketika ini tiga agensi termasuk Jakim, Pejabat Peguam Negara dan KPDNKK mengadakan perbincangan berhubung mewujudkan akta berkenaan.

"Sejurus selesai, ia akan dibentang ke kabinet sebelum dibawa ke Parlimen un-

tuk diluluskan.

"Kita jangkakan akta itu akan mula dikuatkuasakan sebelum hujung tahun ini. Justeru, saya berharap dengan adanya akta ini penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan logo halal dapat dilakukan dengan lebih berkesan," katanya.